

Hakikat Kemuliaan yang Telah Dijanjikan oleh Allah untuk Umat Islam

Dalam suasana memperingati hari lahirnya *al-Insān al-Kāmil*, Muḥammad ibn ‘Abd Allāh bin ‘Abd al-Muṭalib ibn Hāshim al-Qurshī, hamba Allah dan pesuruh-Nya, *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam*, amatlah eloknya dikaji semula akan hakikat kemuliaan yang telah dijanjikan oleh Allah ‘azza wa jalla untuk umat Islam turun temurun.

Soal ini telah dikupas dengan sejelas-jelasnya oleh faḍīlah al-Ustādh ‘Abd al-Mun‘im al-Namr, Mesir, seperti berikut:

Pada zaman ini banyak di antara kaum Muslimin yang bersuara dengan nyaring dan tertanya-tanya akan kemuliaan yang telah ditetapkan oleh Allah di dalam *al-Qur‘ān* bagi umat Islam. Allah ‘azza wa jalla dengan tegas telah menjanjikan kemuliaan bagi umat Islam dan Ia (Tuhan Yang Maha Kuasa) tidak akan memberi kesempatan kepada musuh-musuh Islam untuk menghancurkan Islam dan pemeluknya.

Umat Islam sentiasa membaca di dalam kitab suci *al-Qur‘ān al-Karīm* akan janji yang tegas dan jelas itu:

“*Wa lillāhi al-‘izzati wa li rasūlihī wa li al-mu‘minīn*”

“Kemuliaan itu bagi Allah, bagi Rasul-Nya dan bagi orang-orang yang beriman (umat Islam)” .

Mereka juga membaca firman-Nya:

“*Wa lan yaj‘ala Allahu ‘ala al-mu‘minīna sabīlā*”¹

“Allah tidak sekali-kali akan menjadikan jalan bagi orang yang bukan Islam untuk (mengalahkan) orang-orang yang beriman (umat Islam)”

Umat Islam memerhatikan keadaan mereka yang sengsara, menjadi mangsa cengkaman penjajah dan

golongan-golongan yang bukan Islam. Mereka (umat Islam) tidak pernah bercerai dengan ayat-ayat suci yang mengandungi janji yang tegas dan jelas itu, kemudian mereka angkat suara dan bertanya:

“*Ayna al-‘izzati allatī katabahā Allahu lanā?*”

“Mana dia kemuliaan yang telah ditentukan oleh Allah untuk kita ?”

“*Ayna huwa wa‘du Allah?*”

“Mana dia janji Allah itu?”

Mereka yang bertanya demikian, dengan bersungguh-sungguh dan terharap-harap akan janji Allah itu.

Tetapi sebelum itu seyogialah mereka menjawab pertanyaan-pertanyaan ini:

Siapakah kamu yang bertanya demikian dalam pandangan agama?

Adakah kamu mengenali tempat kamu berdiri dari ajaran agama?

Adakah kamu dekat kepada agama atau jauh?

Adakah kamu percaya kepada Allah dengan sepenuh-penuhnya?

¹ Jika ayat ini seperti yang terakam dalam Surah al-Nisā’ 141, maka ayat ang betul ialah “*Wa lan yaj‘ala Allahu li al-kāfirīna ‘ala al-mu‘minīna sabīlā*”

Apabila mereka tidak menemui dalam jiwa mereka peribadi mukmin yang sebenarnya”, dan tidak pula terjalannya masyarakat serta roh Islam, maka mereka tidak berhak mengangkat suara demikian dengan menempelak: “Mana dia kemuliaan yang telah ditetapkan Tuhan untuk kita?”

Kemuliaan itu bukanlah pemberian, dan bukan pula makanan yang turun dari langit, tetapi kemuliaan itu ialah buah perjuangan yang digerakkan oleh ikhlas dan timbul dari keimanan.

Dalam mencapai kemuliaan itu, Tuhan menunjukkan amal tindakan yang rapi dan masak dalam semua segi dari alam kehidupan ini. Tuhan menjadikan amal itu dalam pertanian, perusahaan, perdagangan dan seterusnya. Usaha-usaha yang demikian merupakan jihad pada jalan Allah apakala dikerjakan dengan niat yang ikhlas. Tuhan membenci kepada penganggur-penganggur dan orang-orang yang malas, sehingga Nabī *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam* bersabda (maksudnya):

“Sesungguhnya, seseorang kamu yang membawa tali lalu mengikat kayu api di belakangnya (untuk dijual) lebih baik daripada ia meminta-minta kepada orang lain, mereka beri atau tidak.”

Tiada satu pandangan pun, baik berupa suka atau kasih sayang dari Tuhan terhadap mereka yang mengutamakan ibadah sahaja dengan meninggalkan perusahaan-perusahaan yang membina kemajuan, kerana menyangka yang demikian ialah jalan utama untuk mencapai keredaan Allah, padahal sebaliknya Tuhan menghargai mereka yang berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk membina kemakmuran, dan berjuang untuk diri dan masyarakatnya.

Anas menceritakan: Kami berada dalam perjalanan bersama-sama dengan Nabī (S.A.W.), di antara kami ada yang puasa dan yang berbuka. Kami berhenti di suatu tempat dalam panas terik, lalu kami berusaha mendirikan tempat berteduh. Orang-orang yang berpuasa bergelimpangan kerana letih lesu, dan mereka yang tidak berpuasa berdiri bekerja menegakkan tempat berteduh itu dan memberi minum binatang-binatang kenderaan mereka. Melihatkan itu Nabī (S.A.W.) bersabda (maksudnya):

“Orang-orang yang berbuka hari ini telah memborong akan kesemua pahala.”

Demikianlah cara Rasulullah *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam* memberikan galakan dan perangsang kepada umatnya untuk menjalankan kerja yang mendatangkan hasil dan menjauhkan mereka daripada sikap menyerah sahaja pada keadaan. Nabī (S.A.W.) memberikan “*rukḥṣah*” (kelonggaran) supaya meninggalkan ibadah (puasa sunat) yang memayahkan dan menyukarkan mereka berusaha dan bekerja untuk membina kemakmuran.

Banyak dalil tentang ini. Roh Islam yang membuka kesanggupan bekerja ialah sebagaimana yang diriwayatkan dari Nabī. Baginda pernah memuji satu golongan di hadapannya. Seorang yang siang berpuasa dan malam beribadat dengan tidak memperdulikan yang lain. Nabī bertanya: Siapakah yang memberi memakan minum kepadanya. Mereka menjawab: Kami semua, ya Rasulullah. Kalau begitu, ujar Nabī, kamu semua lebih utama daripadanya.

Demikianlah penghargaan Islam terhadap pemeluknya yang tampil hadapan menempuh segala segi kehidupan sehingga tidak ada seorang pun yang menganggur dan mengharap belas kasihan orang lain.

Bersambung pada bulan hadapan.